

01/03/2003

Dua anggota PGA dituduh rogol gadis bawah umur

KOTA KINABALU: Dua anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion ke-16 didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tuduhan merogol seorang gadis berusia 13 tahun di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal, tahun lalu.

Ahmad Nazri Zainurrdin, 33, dan Mohd Fauzi Yahya, 34, kedua-duanya dari Perak dan sudah berkhidmat di Sabah selama 10 tahun, tidak mengaku bersalah apabila tuduhan dibacakan.

Kes membabitkan kanak-kanak itu mencetuskan kontroversi dan perbalahan diplomatik antara Kuala Lumpur dan Manila, kerana gadis itu pada mulanya didakwa warga negara Filipina dan dihantar pulang ke negara berkenaan.

Berikutan itu, Presiden Gloria Arroyo Macapagal mengutus surat bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kes rogol itu dan layanan buruk diberi kepada pendatang tanpa izin dari negaranya.

Bagaimanapun hasil ujian DNA mengesahkan gadis itu adalah rakyat Malaysia. Bapanya adalah penduduk Sabah manakala ibunya warga Filipina.

Gadis ini kemudian dihantar pulang ke Kota Kinabalu pada 9 Disember tahun lalu, selepas hampir dua bulan diletakkan dalam jagaan Jabatan Kebajikan dan Sosial Filipina.

Ahmad Nazri didakwa merogol gadis itu di Blok G, pusat tahanan berkenaan antara 27 Julai hingga 12 Ogos manakala Mohd Fauzi, didakwa melakukan perbuatan yang sama di tempat yang sama antara 27 Julai hingga 16 Ogos.

Kedua-dua mereka, yang sudah digantung kerja dari PGA sejak 15 Januari lalu, didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan.

Hakim Mahkamah Sesyen, Nurchaya Arshad, menetapkan 26 hingga 29 Mei ini untuk perbicaraan kes dan mengarahkan kedua-dua anggota PGA terbabit terus ditahan dan tidak diikat jamin.

Bagaimanapun, Ahmad Nazri meminta hakim membenarkan beliau diikat jamin dengan alasan isterinya sedang mengandung dan dijangka melahirkan anak pada Mei ini manakala Mohd Fauzi, atas alasan tidak bersalah.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Dzulkifli Ahmad dan Mohd Dasuki Mokthar, membantah kedua-dua tertuduh diikat jamin kerana kes itu membabitkan remaja bawah umur.

Pihak pendakwa bimbang kedua-dua tertuduh akan mengganggu saksi kerana kebanyakannya bertugas di unit yang sama, kata Dzulkifli, sambil menambah, pihaknya akan memanggil 30 saksi sepanjang perbicaraan itu.

Nurchaya membenarkan permohonan pendakwa raya supaya melarang media daripada melaporkan nama, alamat, institusi pendidikan yang boleh mendedahkan identiti mangsa.